

CNS0656

U GB 20-10 00184 BH891

aab

BPR BEBAS SIASAT SESIAPA SAHAJA, KATA P M

'Mahathir - RPR

Daripada Azman Ujang

TOKYO, 20 Okt (Bernama) -- Kerajaan memberikebebasan 'sepenuhnya' kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR) untuk menyiasat sesiapa sahaja termasuk menteri-menteri Kabinet, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, sehubungan itu BPR tidak perlu memberitaklimat kepadanya mengenai perkembangan penyiasatan ke atas Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Seri S. Samy Vellu.

DPR dilaporkan telah selesai menyoal-siasat Samy Vellu, yang juga Presiden MIC, berhubung tuduhan penyelewengan pemberian 10 juta saham Telekom Malaysia kepada Maika Holdings, syarikat pelaburan parti itu.

+BPR bebas menyiasat sesiapa sahaja. Bukan sahaja menteri MIC bahkan menteri-menteri dari UMNO juga, jika mereka (disyaki,) buat salah,+ katanya kepada wartawan Malaysia di bilik penginapannya di Hotel Imperial di sini.

Perdana Menteri yang mengadakan lawatan tidak rasmi selama seminggu ke Jepun berkata jika BPR mempunyai kes, ia akan dibawa ke mahkamah.

+Jika BPR tidak ads kes, ia akan digugurkan,+ kata Dr Mahathir, tanpa mengulas lebih lanjut mengenai penyiasatan ke atas Samy Vellu. -- Lagi

▼20/10/14-34MST

CNS0661

U GB 20-10 00148 BH892

aab

Mahathir EPR 2 Tokyo

BPR telah mengadakan beberapa sesi soal-siasat ke atas Samy Vellu berhubung kes itu yang setiap satu sesi memakan masa selama empat hingga lima jam baru-baru ini.

Ditanya mengenai ura-ura akan berlakuperubahan dalam sidang pengarang kumpulan akhbar Utusan Melayu yang majoriti sahamnya dikuasai anggota-anggota Umno, Dr Mahathir, yang juga Presiden parti itu, berkata beliau belum diberitahu mengenainya.

+Saya belum mendengar atau diberitahu mengenai perkara itu kerana masih berada di luar negeri,+ katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau tidak tahu sama ada Ketua Pengarang Kumpulan Utusan Melayu Encik Zainuddin Maidin akan ditukar tetapi menambah: +Memang dalam mesyuarat Majlis Tertinggi Umno baru-baru ini, kita berasa tidak puas hati dengan serangan Utusan terhadap pemimpin-pemimpin parti.

+Mereka bebas menyerang kita, tetapi kalau sudah melampaui batas, Umno tidak dapat mendiamkan diri dalam perkara ini.+ -- Lagi

▼20/10/14-37MST

CNS0662

U GB 20-10 00168 BH893

aab

Mahathir - BPR 3 (Akhir) Tokyo

+Saya tak tahu mengenai perubahan dalam kepimpinan sidang pengarang Utusan tetapi yang saya tahu perasaan tidak puas hati dalam Majlis Tertinggi memang ada,+ kata beliau.

Utusan Malaysia baru-baruini memohon maaf kepada Dr Mahathir ekoran laporannya bahawa Perdana Menteri meminta untuk bercakap dalam Bahasa Inggeris semasa ditemuramah oleh sebuah stesen televisyen Indonesia ketika beliau menghadiri persidangan kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) awal bulan lepas di Jakarta.

Perdana Menteri ketika menafikan laporan itu dan menganggapnya sebagai satu pembohongan, berkata beliau diminta oleh stesen TV itu untuk bercakap dalam Bahasa Inggeris dalam temuramah itu.

Tuduhan Utusan itu dibuat semasa akhbar itu menyiarkan satu siri laporan yang menyarankan kepada kerajaan supaya menghentikan iklan dalam Bahasa Inggeris melalui radio and televisyen di negara ini.

Akhbar itu juga dibidas oleh Dr Mahathir kerana sengaja mengungkitkan soal kedudukan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris yang dianggap oleh Perdana Menteri sebagai tidak lagi menjadi isu. -- Bernama

▼20/10/14-42MST